

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta PERDANA MENTERI menyatakan nisbah pembahagian jumlah anggota keselamatan dan aset yang diatur gerak dalam ESSZONE, juga di APMM dari tahun 2010 hingga 2014.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Nisbah pembahagian jumlah anggota keselamatan dan aset yang diaturgerak dalam ESSZONE adalah satu persoalan yang menarik. Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada formula khusus yang boleh digunakan sebagai kayu pengukur untuk menetapkan nisbah antara bilangan anggota tentera dan aset yang digunakan. Ini adalah kerana wujud banyak faktor yang mempengaruhi keperluan jenis dan kuantiti aset yang perlu dilengkapi kepada sesebuah pasukan keselamatan ataupun pertahanan seperti ATM, PDRM dan APMM. Walaubagaimanapun, jenis dan kuantiti aset setiap perkhidmatan tersebut tidak boleh dinyatakan kerana ianya tertakluk kepada Rahsia Kerajaan.

2. Antara faktor yang mempengaruhi keperluan jenis dan kuantiti aset adalah doktrin peperangan, keadaan landskap atau mukabumi, bentuk ancaman yang dihadapi serta struktur pasukan keselamatan dan pertahanan itu sendiri. Di samping itu, keperluan kelengkapan tersebut juga dibataskan oleh kemampuan kerajaan untuk menampung kos perolehan dan juga kos penyelenggaraan aset yang berkenaan.

3. Sebagai contoh, aset mobiliti perairan khususnya bot berdasarkan Jadual Peralatan Angkatan Tentera bagi Tentera Darat adalah kecil bilangannya. Walau bagaimanapun, apabila anggota Tentera Darat ditugaskan di ESSZONE serta menduduki beberapa pulau yang

mempunyai kedudukan strategik, keperluan kepada aset mobiliti perairan meningkat dari segi kuantiti dan juga jenis bot. Kuantiti bot dipengaruhi oleh faktor panjang persisiran pantai, keluasan kawasan maritim dan bilangan pulau-pulau yang diduduki. Jenis bot pula dipengaruhi oleh paras kedalaman perairan dan modus operandi ancaman.

4. Secara umumnya, penjelasan ini boleh digunakan untuk menerangkan keperluan aset lain seperti kuasa tembakan, komunikasi, pengawasan dan sebagainya. Namun begitu, faktor-faktor yang mempengaruhi keperluan pelbagai jenis aset ini mungkin berbeza antara satu dengan yang lain. Dengan kekuatan anggota dan aset yang sedia ada, ESSCOM telah mengkoordinasikan atur gerak kesemua sepuluh daerah ESSZONE. Tindakan ini mengambil kira maklumat dan keperluan masyarakat setempat.

Sekian. Terima Kasih.